

Belia dijemput sertai SAID di Uganda

BH 22 NOV 2000

LANGKAWI, Selasa – Dialog Antarabangsa Afrika Selatan 2001 (SAID) yang akan diadakan di Kampala, Uganda, Ogos tahun depan akan buat pertama kalinya menyaksikan penyertaan golongan belia.

Keputusan menjemput penyertaan belia itu dibuat di Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 yang berakhir di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merumuskan perbincangan LID2000 pada penutup dialog itu hari ini berkata, golongan belia dibawa bersama untuk berdialog kerana input mereka penting bagi memastikan kejayaan langkah yang dirumuskan kelak.

Sebelum ini, dialog Langkawi yang kini sudah menjangkau lima tahun, sudah menambah penyertaan rakan kongsi dialognya dengan menjemput wakil dari pihak buruh, kumpulan sosial dan media, selain ketua kerajaan, menteri, pegawai kerajaan dan badan korporat.

Naib Presiden Uganda, Dr Speciosa W Kazibwe pada sidang akhbar kemudian berkata, penyertaan golongan belia adalah penting kerana mereka adalah kelompok besar dalam kebanyakan negara membangun.

Dialog di Kampala itu akan turut membincangkan isu berkaitan suasana pelaburan dan masalah yang dihadapi dalam menarik pelaburan langsung asing.